

08/09/1997

(Laporan mingguan BSKL)

SELEPAS melalui pergolakan turun naik yang mendadak di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), harga saham dijangka kembali stabil di atas paras 800 mata minggu depan.

Secara teknikal, selepas mencecah paras dasar, carta menunjukkan satu corak meningkat yang berkecuali dengan sekali-sekala turun sedikit, kata seorang wakil niaga saham.

Minggu lalu, Indeks Komposit (IK) yang mengukur pasaran BSKL melantun ke paras 840.42 mata, di atas semangat merdeka melalui 'kepulangan' dana tempatan daripada cuti Hari Kebangsaan.

Bagaimanapun, IK itu menurun semula kepada 675.15 mata dua hari kemudian berikutan tekanan jualan yang berterusan oleh pelabur asing yang dapat mendepositkan saham mereka dengan Sistem Depositori Pusat (CDS).

Menyambut seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dana tempatan membeli saham secara agresif pada Jumaat hingga menyokong naik IK untuk ditutup pada 821.59, atau naik 17.19 mata berbanding penutupan minggu sebelumnya.

Indeks Emas naik 11.70 mata kepada 231.18, Indeks Perusahaan naik 38.35 mata kepada 1,657.58 dan Indeks Papan Kedua menokok 27.27 mata kepada 401.01.

Pengumuman yang dibuat oleh Dr Mahathir mengenai penarikan balik taraf sekuriti bertanda yang ditetapkan ke atas 100 komponen IK dan penangguhan beberapa projek besar berikutan ketidakseimbangan luaran dan kedudukan ringgit, adalah sebab positif ke arah kestabilan pasaran.

Di kalangan saham cergas, Renong naik 34 sen kepada RM3.34 dengan 73.125 juta saham diniagakan, BGroup naik sembilan sen kepada RM1.78 dengan 5.144 juta saham, CAHB turun 24 sen kepada RM3.40 dengan 63.089 juta saham dan Sime Darby turun 20 sen kepada RM6.70 dengan 45.907 juta saham.

MRCB naik 67 sen kepada RM3.02 dengan 44.754 juta saham, Magnum naik 31 sen kepada RM3.02 dengan 44.100 juta, Taiping turun enam sen kepada RM1.29 dengan 40.443 juta, Public Bank-Asing jatuh tiga sen kepada RM2.71 dengan 34.520 juta, Tenaga Nasional turun 20 sen kepada RM8.50 dengan 33.356 juta dan Maybank jatuh 60 sen kepada RM18.80 dengan 29.641 juta.

Jumlah dagangan mingguan di Papan Utama naik kepada 1.802 bilion saham bernilai RM7.035 bilion daripada 1.584 bilion saham bernilai RM6.200 bilion, seminggu terdahulu.

Dari segi sektor di Papan Utama (termasuk urus niaga langsung), Barangan Pengguna menyumbang 130.174 juta saham kepada urus niaga, Barangan Perusahaan 192.869 juta saham, Pembinaan 184.438 juta, Dagangan/Perkhidmatan 573.175 juta, Prasarana 19.030 juta, Kewangan 371.377 juta, Hotel 8.225 juta, Harta 238.728 juta, Perladangan 44.627 juta, Perlombongan 7.625 juta, Amanah 2.902, Dana Tertutup 1.128 juta, Stok Pinjaman 71.881 juta, Waran/TSR 100.369 juta dan Hak 1.503 juta.

Perolehan di Papan Kedua turun kepada 167.200 juta saham bernilai RM1.326 bilion daripada 197.236 juta saham bernilai RM1.575 bilion.

Jumlah urus niaga secara langsung mencatat angka 165.428 juta saham bernilai RM625.819 juta berbanding 199.441 juta saham bernilai RM1.315 bilion sebelum itu. - Bernama

(END)